

**GARIS PANDUAN BANTUAN AWAL PERSEDIAAN KE SEKOLAH
BERASRAMA PENUH**

1. Objektif

- a) Memberi penghargaan kepada pelajar yang berjaya menyambung pengajian ke Sekolah Berasrama Penuh.
- b) Membantu meringankan beban kewangan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membiayai keperluan anak-anak.

2. Asnaf: Miskin dan Fisabilillah.

3. Syarat-syarat

- a) Pemohon dan ibu bapa / penjaga adalah:
 - i. Rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum melanjutkan pengajian atau,
 - ii. Pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.
- a) Beragama Islam dan berakal.
- b) Pelajar yang baharu menerima tawaran menyambung pengajian ke Sekolah Berasrama Penuh samaada sekolah di dalam negeri Terengganu dan luar negeri Terengganu.
- c) Layak dipertimbangkan Bantuan Awal Persediaan ke Sekolah Berasrama Penuh sekali sahaja sepanjang tempoh persekolahan.
- d) Permohonan bantuan tidak dapat dipertimbangkan sekiranya ibu dan bapa pemohon yang bekerja di negeri Terengganu tidak menunaikan zakat sepenuhnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- e) Pendapatan kasar ibu dan bapa pelajar tidak melebihi RM20,000.00 sebulan bagi pengajian dalam dan luar negara.
- f) Permohonan sah dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan daripada tarikh daftar persekolahan.

4. Kadar Bantuan

- a) RM500.00

5. Kaedah Permohonan / Pelaksanaan

- a) Permohonan boleh dibuat secara dalam talian menerusi laman web Yayasan Pendidikan MAIDAM <https://ypmaidam.gov.my>
- b) Pemohon perlu membuat permohonan secara dalam talian dan memuat naik dokumen berikut:
 - i. Surat tawaran kemasukan ke sekolah berasrama penuh yang rasmi.
 - ii. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa / penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.
 - iii. Salinan slip gaji ibu dan bapa / penjaga atau akuan pendapatan bulanan (bagi yang bekerja sendiri / pesara swasta) / penyata pencen / kad pesara (bagi pesara kerajaan) yang terkini.
 - iv. Surat pengesahan mastautin terkini diperlukan bagi pemohon yang bukan rakyat negeri Terengganu yang telah bermastautin di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.
 - v. Slip permohonan dan surat pengesahan mastautin mestilah disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada Amil Zakat / Pengerusi Masjid / Ketua Kampung / Penghulu.
 - vi. Salinan sijil kematian / penceraihan ibu bapa (jika berkenaan).

5. Cara Bayaran

- a) EFT / cara lain yang bersesuaian.